

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

**DARIPADA : Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib
[Maran]**

SOALAN : 49

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Wawasan 2020 adalah wawasan YAB Perdana Menteri sendiri, apakah hasrat tersebut akan menjadi kenyataan bahawa Malaysia menjadi negara maju. Apakah langkah-langkah segera yang telah diambil oleh Kerajaan bagi memastikan wawasan ini dapat membantu rakyat terutama masyarakat di luar bandar.

JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Pakatan Harapan yang mengambil alih pentadbiran Putrajaya selepas memenangi Pilihan Raya Ke-14 pada Mei 2018, yakin dengan keupayaannya untuk membina semula negara ke arah Malaysia Baharu berteraskan prinsip keadilan, tadbir urus yang baik, integriti dan kedaulatan undang-undang.

Dalam konteks ini, Kerajaan akan terus melakukan beberapa perubahan dasar, strategi dan cara pelaksanaan untuk memenuhi harapan rakyat,

SOALAN NO. 49

membina semula serta mengembalikan kegemilangan negara. Kerajaan menjangkakan hasrat mencapai status negara maju menjelang tahun 2020 seperti yang digariskan dalam Wawasan 2020 hanya dapat dicapai menjelang 2025 atau lebih awal bergantung kepada pengamalan dasar yang betul. Kelewatan ini berpunca daripada pelaksanaan dasar yang tidak sesuai dengan usaha mencapai aspirasi Wawasan 2020 tersebut.

Pada 27 Jun 2019 yang lalu, Kerajaan telah melancarkan “Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB)”, di mana ia telah merumuskan wawasan “Luar Bandar Yang Sejahtera, Inklusif, Mampan dan Holistik” sebagai agenda utama dalam proses pembangunan luar bandar di Malaysia menjelang tahun 2030.

Malah, selepas satu tahun Kerajaan Pakatan Harapan memerintah, Kerajaan komited untuk menunaikan 60 janji dan 47 Iltizam khusus yang terkandung dalam Buku Harapan. Sehingga 31 Mei 2019, pencapaian keseluruhan janji kerajaan adalah sebanyak 49.35% dimana 67 inisiatif (14.44%) telah ditunaikan sepenuhnya dan 162 inisiatif (34.91%) masih dalam pelaksanaan. Manakala 235 inisiatif (50.65%) masih dalam perancangan atau belum mula.

Terdapat inisiatif-inisiatif di dalam janji kerajaan yang memfokuskan bagi membantu rakyat terutama masyarakat luar Bandar termasuk di Sabah dan Sarawak. Di antaranya, adalah inisiatif “**membela nasib orang asal di Semenanjung Malaysia**” di mana kerajaan akan memperuntukkan lebih banyak sumber untuk menaik taraf infrastruktur perkampungan Orang Asal, termasuk jalan berturap, sistem grid elektrik 24 jam, bekalan air yang dirawat dan rangkaian komunikasi yang stabil supaya tiada komuniti Orang Asal yang terpinggir.

SOALAN NO. 49

Selain daripada itu, kerajaan juga berjanji untuk **“memastikan ekonomi Sabah dan Sarawak berkembang dengan lebih pesat demi kemakmuran hidup rakyat seluruhnya”**. Demi mencapai janji ini, kerajaan akan menyegerakan pembekalan air bersih dan elektrik ke kawasan sempadan bandar dan luar bandar.

Sekian, terima kasih.